

19 APR 1999

Mohamed-BN

JANGAN TERLALU MENDESAK BERHUBUNG PEMBAHAGIAN KERUSI

JOHOR BAHRU, 19 April (Bernama) -- Parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) diminta supaya jangan terlalu mendesak soal pengagihan kerusi bagi pilihan raya umum akan datang.

Setiausaha Agung BN Datuk Seri Mohamed Rahmat hari ini berkata soal menuntut pengagihan kerusi tidak seharusnya menjadi satu masalah yang boleh melemahkan BN.

"Sudah tentu Pengerusi Dewan Tertinggi BN (Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad) akan membuat pertimbangan berhubung pengagihan kerusi ini dan sudah tentu juga pengerusi akan lebih menimbang tentang keupayaan BN sendiri untuk meletakkan calon-calon yang difikirkan sesuai yang boleh membantu kemenangan BN," kata beliau.

Ketika bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan taklimat khas kepada pegawai dan anggota Jabatan Penerangan Johor di sini, Mohamed yang juga Menteri Penerangan berkata apa yang BN dapat lakukan ialah setiap parti komponen diberi tanggungjawab di pelbagai peringkat.

"Ini termasuk mendapat kerusi di Dewan Negara, Dewan Rakyat, Dewan Undangan Negeri, majlis-majlis bandaraya dan majlis daerah. Setiap parti komponen terus diberi tanggungjawab itu," katanya.

Bulan lepas, Presiden Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) Datuk M.Kayveas berkata parti itu sedang menyiapkan memorandum untuk diserahkan kepada BN berhubung pengagihan kerusi bagi pilihan raya umum akan datang.

Menurut Kayveas, PPP meminta agar parti itu diperuntukkan kerusi di Perak, Pulau Pinang, Kedah, Selangor, Wilayah Persekutuan, Melaka dan Johor.

PPP tidak diberi sebarang kerusi pada pilihan raya umum tahun 1995.

Mohamed berkata BN mengakui PPP adalah rakan lama dalam BN yang turut mempunyai peranan tetapi beliau berharap parti itu tidak terlalu mendesak berhubung soal pembahagian kerusi.

"Saya harap kalau pengagihan kerusi diputuskan nanti, semua pihak akan menerima dengan baik dan mengutamakan masalah kemenangan. Janganlah isu kerusi ini dijadikan isu yang boleh melemahkan (kita)," kata beliau.

Berhubung persiapan BN menjelang pilihan raya umum akan datang, Mohamed berkata BN membuat persiapan sepanjang masa dan setakat ini apa yang telah diarahkan kepada parti-parti komponen berjalan lancar.

Menurutnya, beliau yakin persiapan awal itu akan membolehkan BN berkuasa lagi dengan kemenangan yang agak besar.

"Apatah lagi dengan adanya perkembangan baru di Malaysia dengan wujudnya parti-parti baru serta pelbagai masalah lain. Ini tidak melemahkan BN malah memperkukuhkan lagi semangat BN untuk bekerja keras," katanya.

Beliau berharap pemimpin-pemimpin BN dapat menemui pengundi-pengundi muda yang kali ini banyak mendaftar agar mereka dapat dipengaruhi dan mengenang jasa BN kepada rakyat dan negara.

Mohamed berkata golongan muda tidak wajar disisihkan daripada arus pembangunan kerana mereka boleh menyumbang ke arah kemajuan dan pembangunan negara pada masa depan.

Sehubungan itu, katanya, Kementerian Penerangan sedang mengatur langkah untuk mendekati golongan muda bagi memberi kefahaman tentang sejarah dan matlamat perjuangan negara.

-- BERNAMA

MKO NMO